

KERATAN AKHBAR



SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	18/12/2019	MUKA SURAT	:	43
JABATAN	:	JPS			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



'Tembok penaham ombak, anjung chalet runtuh

Nor Afandi membersihkan runtutan tembok penaham ombak dan anjung chalet milik ibu dan kakaknya di Kampung Pengkalan Balak, Alor Gajah.

(Foto Hassan Omar/BH)

Pengusaha di Pengkalan Balak tutup 17 unit penginapan

Oleh Hassan Omar
bhnews@bh.com.my

Alor Gajah: Pengusaha chalet di pantai peranginan Pengkalan Balak, dekat sini, terpaksa menutup semua 17 unit penginapan berkenaan berikutan kejadian runtuhan anjung dan tembok pena-

han ombak pada musim tengkujuh kini.

Nor Afandi Abu Bakar, 54, berkata chalet milik ibunya, Tjiah Mydin, 76, bersama kakak, Noraini, 56, tidak dapat disewakan kepada tetamu bagi mengelak risiko, berbanding tempahan penuh diterima pada cuti persekolahan sebelum ini.

Katanya, baki anjung dan tembok berkenaan tiba-tiba roboh kira-kira jam 8 pagi semalam akibat dilanda ombak besar serta hujan lebat, selepas sebahagian nya runtuh pada hujung bulan lalu.

"Walaupun keadaan chalet ma-

sih elok kerana terletak agak jauh dari tembok dan anjung, kami tidak mahu menanggung risiko tetamu mungkin terjatuh ke dalam lubang atau dihempap runtuhan batu.

"Oleh itu, kami terpaksa menutup kesemua 17 unit walaupun ada tetamu sanggup menginap di chalet yang terletak agak jauh dari runtuhan berkenaan," katanya ketika ditemui di lokasi kejadian, semalam.

Nor Afandi berkata, sejak sebahagian tembok dan anjung terbabit runtuh pada hujung bulan lalu, mereka sentiasa mengambil langkah berhati-hati.

Namun susulan insiden pagi semalam, katanya, tiada sesiapa dibenarkan untuk menginap di chalet berkenaan, malah tali penghadang sudah direntang di lokasi bagi mengelakkan sebarang kejadian tidak diingini.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) negeri, Abdul Hakim Hamzah, ketika dihubungi berkata setakat ini, tembok penaham ombak sedang dibina di Kampung Balik Batu, Tanjung Bidara, dan Kampung Tengali, Kuala Sungai Baru, dekat sini, berikutan mengalami masalah yang sama.